

HITACHI

Inspire the Next


PENYAMAN UDARA UNIT BERASINGAN

UNIT DALAM BILIK/UNIT LUAR BILIK

BAHASA MALAYSIA

MODEL

RAS-S10CY/RAC-S10CY
RAS-5115CY/RAC-5115CY
RAS-S13CY/RAC-S13CY



Instruction manual

To obtain the best performance and ensure years of trouble free use, please read this instruction manual completely.

Page 1~22

Arahan pengendalian

Untuk mendapatkan prestasi yang tinggi dan mengelakkan masalah untuk jangka masa yang lama, sila baca arahan ini sepenuhnya.

Muka surat 23~44

Hướng dẫn sử dụng




Để máy hoạt động tốt nhất, và để đảm bảo máy sử dụng được lâu năm mà không gặp sự cố, bạn hãy đọc thật kỹ hướng dẫn sử dụng này.

Trang 45-66






PERKARA YANG PERLU DIAMBIL PERHATIAN UNTUK KESELAMATAN

- Sebelum menggunakan penyaman udara baca dengan teliti "Perkara yang perlu diambil perhatian" untuk mengetahui cara pengendalian yang betul.
- Ambil perhatian terhadap perkara yang bertanda "▲ Amaran" dan "▲ Perhatian". Perkara dalam ruangan "Amaran" adalah perkara yang boleh membawa kesan maut atau kecederaan apabila berlaku kesilapan, manakala perkara dalam ruangan "Perhatian" boleh mendatangkan kesan yang serius. Sila patuhi perkara tersebut untuk menjaga keselamatan.
- Tanda-tanda di bawah membawa makna seperti berikut.



 Pastikan dawai bumi dipasang.	 Tanda ini bermaksud langkah yang ditegah.
 Tanda ini bermaksud langkah yang perlu dilakukan.	

- Selepas membaca, tolong simpan buku ini dengan baik.





PERKARA YANG PERLU DIAMBIL PERHATIAN DALAM PEMASANGAN

AMARAN	<ul style="list-style-type: none"> ● Jangan membina semula unit. Pembinaan semula yang dilakukan sendiri mungkin boleh menyebabkan kebocoran air, kemalangan, kejutan elektrik atau kebakaran. 	
	<ul style="list-style-type: none"> ● Minta wakil jualan atau juruteknik untuk melakukan kerja pemasangan. Pemasangan yang dilakukan dengan sendiri mungkin boleh menyebabkan kebocoran air, kejutan elektrik dan kebakaran. 	
PERHATIAN	<ul style="list-style-type: none"> ● Tolong pasang dawai bumi. Jangan pasang dawai bumi pada paip gas, paip air, konduktor kilat dan dawai bumi bagi telefon. Pembumian yang tidak sempurna membawa kemungkinan berlakunya kejutan elektrik. 	
	<ul style="list-style-type: none"> ● Pasangkan alat pemutus litar semasa litar pintas mengikut keadaan tempat pemasangan. Jika tidak memasang alat ini, terdapat kemungkinan berlaku kejutan elektrik. ● Jangan pasang di tempat yang terdapat gas mudah terbakar kerana kebocoran gas ke sekeliling unit luar bilik akan menyebabkan kebakaran. ● Pastikan air dapat mengalir dengan lancar semasa memasang salur air. 	

PERKARA YANG PERLU DIAMBIL PERHATIAN SEMASA MENGALIH DAN MEMBAIKI

AMARAN	<ul style="list-style-type: none"> ● Jika terdapat perkara luar biasa (berbau hangus), hentikan operasi penyaman udara dan keluarkan plag bekalan kuasa. Hubungi wakil jualan. Jika teruskan operasi, kemalangan, kejutan elektrik dan kebakaran mungkin berlaku. 	 
	<ul style="list-style-type: none"> ● Hubungi wakil jualan untuk membaiki kerosakan. Membaiki kerosakan dengan sendiri boleh menyebabkan kejutan elektrik atau kebakaran. ● Hubungilah wakil jualan jika anda hendak mengalihkan penyaman udara untuk dipasang di tempat lain. Pengalihan dan pemasangan semula dengan sendiri yang tidak sempurna boleh mengakibatkan kejutan elektrik dan kebakaran. ● Tali bekalan yang rosak mesti digantikan dengan tali bekalan yang boleh didapati daripada pusat alatganti yang berkuasa. 	

PERKARA YANG PERLU DIAMBIL PERHATIAN DALAM PENGENDALIAN

AMARAN	<ul style="list-style-type: none"> ● Jangan biarkan badan terdedah kepada udara sejuk dalam jangka masa panjang demi menjaga kesihatan. 	
	<ul style="list-style-type: none"> ● Jangan masukkan jari, ranting atau lain-lain benda ke ruang udara masuk dan keluar kerana kipas yang berputing dengan laju dalam unit penyaman boleh membahayakan. Sebelum membuat kerja-kerja penyelenggaraan, pastikan unit tidak beroperasi dan pastikan suis utama dimatikan. 	
	<ul style="list-style-type: none"> ● Jangan gunakan logam atau loyang sebagai dawai fuis bagi mengelakkan kemalangan atau kebakaran. 	
	<ul style="list-style-type: none"> ● Padamkan penyaman udara semasa berlaku kilat dan cabutkan plag bagi mengelakkan kemalangan. ● Unit ini dilengkapi dengan UV LED yang memancarkan cahaya ultra ungu. ELAKKAN PENDEDAHAN TERUS KE MATA. 	


PERKARA YANG PERLU DIAMBIL PERHATIAN DALAM PENGENDALIAN

- Jangan gunakan alat ini sebagai tempat menyimpan makanan, haiwan dan tumbuhan, peralatan canggih, barangan seni dan ubat-ubatan.



- Jangan sentuh suis bekalan kuasa dengan tangan yang basah untuk mengelakkan kejutan elektrik.

- Jika beroperasi bersama peralatan pembakaran, pastikan udara segar sentiasa beredar masuk untuk membekalkan oksigen yang cukup.



- Jangan halakan udara yang keluar dari penyaman udara ini ke arah peralatan pembakaran kerana akan menyebabkan pembakaran tidak lengkap.

- Sentiasa pastikan alat pemasangan adalah kukuh dan tiada kerosakan untuk mengelakkan unit luar bilik daripada terjatuh.



- Jangan pancurkan air ke atas penyaman udara semasa membersihkannya kerana mungkin mengakibatkan berlakunya litar pintas.

- Jangan gunakan aerosol atau penyembur rambut bedekatan dengan unit dalam bilik. Bahan kimia ini boleh melekat pada sirip petukaran kepanasan dan menyekat penyejatan pengaliran air kepada pan pengaliran. Air akan jatuh pada kipas tangential dan menyebabkan air menyimbah dari unit dalam bilik.




- Sila padamkan suis dan cabutkan plag semasa membersihkan penyaman udara kerana kipas dalam penyaman udara yang berpusing dengan laju boleh mencederakan.

- Jika tidak menggunakan penyaman udara untuk jangka masa yang panjang, sila cabutkan plag demi keselamatan.



- Jangan berdiri di atas unit luar bilik atau meletakkan beban di atasnya.

- Jangan letakkan bekas yang mengandungi air (seperti pasu bunga) kerana jika air tertumpah ke dalam unit, ini boleh mengakibatkan kejutan elektrik.



- Jangan letakkan haiwan atau tumbuhan di tempat angin bertiuip keluar kerana akan mendatangkan kesan buruk terhadap haiwan atau tumbuhan.

- Jangan pasang penyaman udara untuk jangka masa yang panjang semasa pintu dan tingkap terbuka (kelembapan dalam bilik melebihi 80%), serta semasa pengawal aliran udara hala ke bawah atau pengawal aliran udara beroperasi secara automatik. Jika tidak, air akan terkondensasi pada pengawal aliran udara mendatar dan akan menitis ke bawah dan membasahi perkakas rumah.

- Jika terdapat sumber haba yang melebihi kapasiti penyaman udara (terdapat terlalu ramai orang atau menggunakan alat pemanasan), suhu dalam bilik tidak akan mencapai suhu yang ditetapkan.

- Alat ini tidak sesuai digunakan oleh kanak-kanak atau mereka yang kurang upaya melainkan jika mereka telah diawasi oleh orang yang bertanggungjawab untuk memastikan mereka boleh menggunakan alat ini dengan selamat.


- Kanak-kanak haruslah dijaga untuk memastikan mereka tidak bermain dengan alat ini.

P
E
R
H
A
T
I
A
N


BAHASA MALAYSIA

NAMA DAN FUNGSI SETIAP BAHAGIAN

UNIT DALAM BILIK




UNIT LUAR BILIK



NOMBOR SIRI DAN UKURAN LUAR

MODEL	LEBAR (mm)	TINGGI (mm)	TEBAL (mm)
RAS-S10CY/RAS-5115CY/RAS-S13CY	780	280	220
RAC-S10CY/RAC-5115CY/RAC-S13CY	700	570	210

BAHAGIAN PENUNJUK UNIT DALAM BILIK



LAMPU PENAPIS UDARA

Apabila unit telah beroperasi selama 100 jam, lampu penapis udara akan menyala sebagai peringatan kepada pengguna untuk membersihkan penapis udara. Lampu penapis udara akan terpadam apabila suis bekalan kuasa diset ke "OFF" dan "ON" semula.

LAMPU OPERASI


Lampu ini beryala semasa unit beroperasi.

LAMPU PEMASA

Lampu ini beryala apabila menggunakan fungsi pemasa.

BAHASA MALAYSIA

BAHAGIAN OPERASI



SUIS SEMENTARA


Suis ini digunakan apabila alat kawalan jauh tidak dapat beroperasi. (Gunakan kayu penambat (contoh: pencungkil gigi))

- Setelah menyelaraskan suis sementara, penyaman udara akan beroperasi dalam mode operasi yang terdahulu ditetapkan.
- Tekan suis sementara sekali lagi apabila suis bekalan kuasa ditukar dari "OFF" kepada "ON", dan penyaman udara akan beroperasi dalam mode automatik.

NAMA DAN FUNGSI SETIAP BAHAGIAN ALAT KAWALAN JAUH

ALAT KAWALAN JAUH

Alat ini mengawal operasi unit dalam bilik. Lingkungan kawalan adalah kira-kira 7 meter. Jika pencahayaan dalam bilik telah dikawal secara elektronik, lingkungan kawalan mungkin akan menjadi lebih dekat. Alat ini boleh diletakkan di dinding dengan menggunakan pemegang yang dibekalkan. Sebelum meletakkannya, pastikan unit dalam bilik (penyaman udara) boleh dikawal dari alat kawalan jauh.



- **Pemancar Isyarat**
Pemancar isyarat akan berkelip apabila isyarat dipancarkan.
- **Paparan**
Bahagian ini menunjukkan suhu bilik yang dipilih, status pemasa, fungsi dan tekanan peredaran yang dipilih.
- **Butang Peredaran Udara**
Gunakan batang ini untuk memilih operasi peredaran udara di dalam bilik atau memulakan operasi.
- **Butang Pengerangan**
Gunakan butang ini untuk pengerangan air di dalam bilik atau memulakan operasi.
- **Butang Pendinginan**
Gunakan butang ini untuk memilih operasi pendinginan atau memulakan operasi.
- **Butang PENGATURAN SEMULA**
- **Butang PENDINGINAN SUPER**
Gunakan butang ini untuk memilih operasi pendinginan super atau memulakan operasi.
- **Butang BERHENTI**
Tekan butang ini untuk berhenti operasi.
- **Butang TIDUR**
Gunakan butang ini untuk menentukan pemasa.
- **Pemilih KELAJUAN KIPAS**
Butang ini adalah untuk memilih kelajuan kipas. Setiap kali anda menekan butang ini, tekanan peredaran akan bertukar dari (AUTO) ke (TINGGI) ke (SEDERHANA) ke (RENDAH).
- **Butang PENYELARAS ARAH ALIRAN UDARA AUTOMATIK**
Menyelaras sudut arah aliran udara mendatar.
- **Butang SUHU**
Gunakan butang ini untuk menaik atau merendahkan suhu tetapan. (Tekan secara berterusan, nilai suhu akan berubah lebih cepat.)
- **Butang Pemasa-OFF** Untuk memilih pemasa-OFF.
- **Butang Pemasa-ON** Untuk memilih pemasa-ON.


	PENDINGINAN SUPER / MULA
	PEREDARAN UDARA / MULA
	PENGERANGAN / MULA
	PENDINGINAN / MULA
	KIPAS
	KELAJUAN KIPAS TINGGI SEDERHANA RENDAH
	PEMASA TIDUR
	BERHENTI
	PILIH PEMASA PEMASA - ON PEMASA - OFF
	PEREDARAN AUTOMATIK



Langkah berjaga-jaga dalam Penggunaan






- Jangan letakkan alat kawalan jauh di tempat-tempat berikut.
 - Terdedah secara terus kepada cahaya matahari.
 - Berdekatan dengan pemanas.
- Pegang alat kawalan jauh dengan berhati-hati. Jangan biarkan alat ini terjatuh ke lantai dan lindungi dari terkena air.
- Sebaik saja unit luar berhenti, ia tidak akan beroperasi semula dalam jangka masa 3 minit (kecuali anda padamkan suis bekalan kuasa dan cabutkan plag kemudian pasang semula plag). Ini adalah untuk melindungi unit ini dan bukan menandakan sebarang kerosakan.
- Jika anda menekan butang pemilih FUNGSI ketika penyaman udara beroperasi, unit luar akan berhenti kira-kira 3 minit sebagai perlindungan.


OPERASI PENDINGINAN


Gunakan unit ini untuk pendinginan apabila suhu luar ialah 21-43°C.
Jika kelembapan adalah terlalu tinggi (melebihi 80%) di dalam bilik, titisan air akan kelihatan pada jeriji unit dalam.




1 Tekan butang  dan paparan akan menunjukkan  (PENDINGINAN)
Operasi pendinginan bermula dengan bunyi "beep".
Operasi pendinginan tidak akan bermula jika tetapan suhu lebih tinggi daripada suhu semasa yang ada di dalam bilik (walaupun lampu ① (OPERASI) menyala). Fungsi pendinginan akan bermula sebaik sahaja anda membuat tetapan suhu di bawah suhu semasa bilik berkenaan.

2 Tetapkan KELAJUAN KIPAS yang dikehendaki dengan butang  (KELAJUAN KIPAS) (paparan akan menunjukkan tetapan).
 (AUTO) : KELAJUAN KIPAS pada permulaan ialah TINGGI dan ia akan berubah kepada SEDERHANA atau RENDAH secara automatik apabila suhu tetapan dicapai.
↓
 (TINGGI) : Lebih ekonomi untuk pendinginan bilik secara pantas.
 (SEDERHANA) : Perlahan.
 (RENDAH) : Lebih Perlahan.

3 Tetapkan suhu bilik yang dikehendaki dengan butang SUHU (paparan akan menunjukkan tetapan).
 Jarak di antara 25-28°C adalah suhu bilik yang disyorkan untuk pendinginan.
Jika tetapan suhu ialah 27°C, suhu bilik akan dikawal sekitar 27°C.
Tetapan suhu dan suhu bilik yang biasa mungkin akan berbagai, bagaimanapun ia bergantung kepada keadaan.


BERHENTI Tekan butang  (BERHENTI) untuk menghentikan operasi.



BAHASA MALAYSIA


- Disebabkan tetapan telah disimpan di dalam memori alat kawalan jauh, anda hanya perlu menekan butang  (PENDINGINAN) pada masa yang akan datang.


OPERASI PENGERINGAN


Gunakan unit ini untuk pengeringan apabila suhu bilik melebihi 16°C.
Apabila ia di bawah 15°C, fungsi pengeringan tidak akan berlaku.



1 Tekan butang  dan paparan akan menunjukkan  (PENGERINGAN). Operasi pengeringan bermula dengan bunyi "beep". KELAJUAN KIPAS telah ditetapkan RENDAH secara automatik. Butang KELAJUAN KIPAS tidak beroperasi.

2 Tetapkan suhu bilik yang dikehendaki dengan butang SUHU (paparan akan menunjukkan tetapan).
 Jarak di antara 20-26°C adalah suhu bilik yang disyorkan untuk pengeringan.


BERHENTI Tekan butang  (BERHENTI) untuk menghentikan operasi.

- Disebabkan tetapan telah disimpan di dalam memori alat kawalan jauh, anda hanya perlu menekan butang  (PENGERINGAN) pada masa yang akan datang.

■ Fungsi Pengeringan

Apabila suhu bilik adalah lebih tinggi daripada suhu tetapan: Unit akan mengering dan mengurangkan suhu bilik kepada tahap yang telah ditetapkan.
Apabila suhu bilik lebih rendah daripada suhu tetapan: Pengeringan akan beroperasi dengan menetapkan suhu lebih rendah sedikit daripada suhu bilik semasa, bergantung pada nilai suhu yang ditetapkan. Fungsi ini akan berhenti (penyaman udara berhenti mengeluarkan udara) sebaik sahaja suhu bilik menjadi lebih rendah daripada suhu tetapan.

OPERASI PEREDARAN UDARA




BAHASA MALAYSIA



■ Fungsi Peredaran Udara

- Semasa operasi peredaran udara, kompressor tidak akan berfungsi dan tidak berlaku operasi penyejukan dengan kipas sahaja berfungsi.
- Apabila suhu tetapan lebih tinggi daripada suhu bilik, kipas untuk unit dalam akan memberhentikan operasi.








PENDINGINAN SUPER





Tekan butang .

- Operasi akan bermula dengan isyarat penerimaan yang berbunyi "beep".
- Unit akan dipaksa beroperasi dalam operasi ❄️ (PENDINGINAN) dengan kelajuan SUPER COOL selama 20 minit. Penanda  akan muncul ketika ini dan paparan tetapan suhu dan kelajuan kipas tidak berubah. (Lampu operasi pada penyaman udara akan berkelip).
- Selepas 20 minit, lampu operasi berhenti berkelip dan penanda  akan hilang sementara unit akan berubah ke operasi ❄️ (PENDINGINAN). Penetapan suhu dan kelajuan kipas akan berubah seperti sebelumnya.
- Bunyi tiupan angin akan menjadi kuat sedikit disebabkan oleh penggesaan operasi.


PEMBATALAN Operasi PENDINGINAN SUPER


Syarat pembatalan	Mode operasi selepas pembatalan
Tekan  atau pemasa OFF tamat	Operasi berhenti
Tekan butang 	Operasi PENGERINGAN
Tekan butang 	Operasi PEREDARAN
Tekan  atau Tekan  atau Tekan  atau Tekan  atau 20 minit masa tamat	Operasi PENDINGINAN normal

NOTA

- (1)  Tetapan PEMASA OFF : Pemasa OFF adalah keutamaan ke atas masa operasi PENDINGINAN SUPER.
- (2)  Tetapan PEMASA ON : Operasi PENDINGINAN SUPER adalah keutamaan ke atas masa operasi pemasa ON.

BAGAIMANA MEMBUAT TETAPAN PEMASA TIDUR

Tekan butang  (TIDUR), dan perubahan akan dilihat terpapar seperti di bawah.



Mode	Penunjuk
Pemasa Tidur	 1 jam → 2 jam → 3 jam → 7 jam → Pemasa tidur off ←

Pemasa Tidur: Unit akan terus bertugas untuk beberapa jam yang dirancang dan kemudian berhenti. Arahkan isyarat pemuka alat kawalan jauh setentang ke unit penyaman udara dan tekan butang TIDUR. Keterangan pemasa akan dipaparkan pada alat kawalan jauh. Lampu pemasa bernyala dengan bunyi "beep" daripada penyaman udara.

BAHASA MALAYSIA

PENERANGAN PEMASA TIDUR

Unit akan mengawal KELAJUAN KIPAS dan suhu bilik secara automatik untuk mewujudkan suasana yang tenang dan baik untuk kesihatan.

Anda boleh menetapkan pemasa tidur menjadi off selepas 1, 2, 3 atau 7 jam. KELAJUAN KIPAS dan suhu bilik akan dikawal sebagaimana yang ditunjukkan di bawah.

Operasi dengan pemasa tidur

Fungsi	Operasi
Pendinginan "❄️" dan pengeringan "💧"	Suhu bilik akan dikawal 2°C di atas takat suhu dan KELAJUAN KIPAS akan berada pada tetapan RENDAH 1 jam selepas tetapan pemasa tidur. <p>The diagram shows a room with a ceiling unit. An arrow points to the unit with the label "2°C". Below the unit, a timeline shows the sleep timer settings: "Tetapan pemasa tidur" (Sleep timer setting), "1 jam berikut" (1 hour later), "2 jam berikut" (2 hours later), "3 jam berikut" (3 hours later), and "7 jam berikut" (7 hours later).</p>

NOTA


- Anda tidak boleh membuat tetapan pemasa yang lain semasa pemasa tidur beroperasi.
- Selepas masa pemasa tidur telah tamat dan butang tidur ditekan semula, pemasa tidur akan ditetapkan semula kepada yang asal.
- Pemasa tidur hanya berkesan sekali.


BAGAIMANA MEMBUAT TETAPAN PEMASA

- Boleh juga menggunakan pemasa-ON dan pemasa-OFF.


MENGHENTIKAN Penyelarasan Pemasa

1 Penyelarasan masa-OFF

- Pilih pemasa-OFF dengan menekan butang  (OFF).
- Penyelarasan masa akan berubah mengikut turutan di bawah setiap kali anda menekan butang.





- Operasi akan berhenti pada penyelarasan masa.




HIDUPKAN Penyelarasan Pemasa

1 Penyelarasan masa-ON

- Pilih pemasa-ON dengan menekan butang  (ON).
- Penetapan masa akan berubah mengikut turutan di bawah setiap kali anda menekan butang.



- Operasi akan bermula untuk penetapan suhu pada masa tertentu (Masa permulaan mungkin boleh berubah bergantung kepada suhu bilik dan suhu yang ditetapkan).



PENYELARASAN PENGAWAL ALIRAN UDARA

1. Menyelaraskan arah aliran udara kiri dan kanan

Gerakkan pengawal aliran udara menegak seperti di dalam ilustrasi untuk menyelaras pengaliran udara supaya mengalir ke arah kiri atau kanan.

2. Menyelaraskan arah aliran udara ke bawah.


Semasa operasi "Pengerinan" atau "Penyejukan", pengawal aliran udara melintang akan diselaraskan secara automatik supaya sesuai dengan sudut aliran udara bagi setiap operasi. Pengawal aliran udara direka untuk mengawal aliran udara ke arah atas dan ke bawah. Dengan menekan butang kawalan aliran udara automatik, pengawal aliran udara ini juga dapat diselaraskan ke mana-mana sudut aliran udara yang dipilih.

Dengan menekan butang ARAH ALIRAN UDARA AUTOMATIK sekali, ia akan menghidupkan pengawal aliran udara melintang untuk mengawal aliran udara ke atas dan ke bawah. Dengan menekan butang kawalan sekali lagi, pengawal aliran udara melintang akan berhenti bergerak pada posisi semasa butang kawalan ditekan.




Semasa operasi "Pengerinan" dan "Penyejukan", tetapkan pengawal aliran udara melintang supaya bergerak dalam lingkungan yang dicadangkan di dalam ilustrasi.

Melaraskan pengawal aliran udara akan mengawal aliran udara supaya dapat mengurangkan suhu bilik dan memperbaiki sebarang ketidak stabilan suhu.

Semasa operasi "Penyejukan", jangan biarkan pengawal aliran udara melintang bergerak ke arah lingkungan yang ditunjukkan di dalam ilustrasi. Jangan biarkan pengawal aliran udara melintang beroperasi melebihi masa yang diperlukan. Titisan air mungkin akan terbentuk dan menitis di sepanjang pengawal aliran udara melintang.


Selepas menghentikan operasi unit dengan menekan  butang kawalan, pengawal aliran udara melintang akan bergerak ke arah posisi yang akan menutup lubang udara keluar.

Semasa arah aliran udara automatik sedang beroperasi, sebarang penyetaraan terhadap pengawal aliran udara melintang secara fizikal akan mengalihkan sudut penyetaraan arah aliran udara. Walaubagaimanapun, pengawal aliran udara akan diselaraskan secara automatik ke arah sudut asal setelah itu. (Sekiranya pengawal aliran udara tidak boleh kembali ke sudut asal, hentikan operasi penyaman udara dan keluarkan plag bekalan kuasa. Setelah itu, masukkan semula plag ke dalam soket utama dan hidupkan semula penyaman udara. Ini akan mengembalikan penyetaraan arah aliran udara ke sudut asal yang telah ditetapkan).



BAGAIMANA MENUKAR BATERI ALAT KAWALAN JAUH

Semasa menggunakan alat kawalan jauh, sekiranya tidak ada tindak balas daripada unit penghawa dingin atau paparan pada alat kawalan jauh semakin hilang atau malap, bateri yang terdapat di dalam alat kawalan jauh perlu ditukar dan diganti dengan yang baru.



1 Keluarkan penutup seperti yang ditunjukkan dalam gambarajah dan keluarkan bateri lama.



2 Pasangkan bateri baru.
Arah bateri mesti sepadan dengan tanda dalam kotak.

⚠ PERKARA YANG PERLU DIAMBIL PERHATIAN

1. Jangan gunakan bateri lama bersama bateri baru, atau menggunakan bateri yang berlainan jenis.
2. Keluarkan bateri jika anda tidak menggunakan alat kawalan jauh untuk 2 atau 3 bulan.
3. Gunakan bateri AAA yang berkualiti tinggi dan yang berprestasi tinggi untuk mengelakkan jangka hayat yang pendek atau kebocoran elektrolit.


CARA PENGENDALIAN YANG PALING SESUAI

Penentuan suhu bilik yang sesuai



⚠️ Amaran
Suhu yang terlalu rendah boleh menjejaskan kesihatan dan menyebabkan pembaziran tenaga elektrik.

Memasang tirai



Boleh mengurangkan haba yang masuk melalui tingkap.

BAHASA MALAYSIA


Peredaran masuk udara segar

⚠️ Perhatian
Jangan biarkan bilik tertutup untuk jangka masa yang panjang, buka pintu dan tingkap sesekali supaya udara segar beredar masuk. Langkah ini penting terutama bagi tempat yang menggunakan peralatan gas.




Penggunaan pemasa yang berkesan

Sila gunakan pemasa secara berkesan. Gunakan operasi OFF atau ON pada waktu malam dan bersesuaian dengan waktu bangun untuk mendapat suhu bilik yang selesa.




Jangan lupa membersihkan penapis udara

Penapis udara yang tersumbat akan menghalang pergerakan udara serta mengurangkan kesan pendinginan. Sila bersihkan penapis udara setiap 2 minggu untuk menjimatkan tenaga elektrik.



Laraskan suhu bilik yang sesuai untuk bayi dan kanak-kanak

Sila ambil perhatian terhadap suhu dalam bilik dan arah aliran udara apabila terdapat bayi, kanak-kanak atau orang tua di dalam bilik.




PERKARA PENTING UNTUK PELANGGAN

Pendinginan dan Sumber Haba dalam bilik


⚠ Perhatian

Jika terdapat sumber haba yang melebihi kapasiti pendinginan penyaman udara (terdapat terlalu ramai orang atau peralatan pemanasan dalam bilik), suhu dalam bilik tidak akan mencapai suhu yang ditetapkan.



Tidak menggunakan penyaman udara untuk jangka masa panjang.


Jika tidak menggunakan unit dalam bilik bagi jangka masa panjang, sila padamkan suis bekalan kuasa. Jika suis bekalan kuasa dipasang, walaupun unit dalam bilik tidak beroperasi, tenaga elektrik akan dibazirkan dalam litar pengawal (kira-kira 8W).



Semasa berlakunya kilat

⚠ Amaran

Semasa berlakunya kilat, hentikan operasi penyaman udara dan keluarkan plagnya demi melindungi unit ini.




UV-LED

UV-LED akan beroperasi "ON" apabila butang MULA/BERHENTI ditekan. Semasa unit beroperasi, UV-LED akan berkeadaan "ON" and "OFF". Cahaya ultra ungu akan kelihatan menyilau apabila UV-LED beroperasi dan ini adalah biasa (tidak rosak).

Gangguan Daripada Alat-Alat Elektrik

⚠ Perhatian

Untuk mengelakkan gangguan bunyi, pasang unit dalam bilik dan alat kawalan jauh sekurang-kurangnya 1m daripada alat-alat elektrik yang lain.




MEMASANG PENAPIS PEMBERSIH UDARA


PERHATIAN

Kerja pembersihan dan penjagaan hendaklah dilakukan oleh para pembakal. Sebelum kerja pembersihan, hentikan operasi dan keluarkan plag bekalan kuasa.


- 1** Buka panel depan.
- Tarik panel depan dengan memegang kedua sisi dengan kedua-dua belah tangan.



- 2** Mengeluarkan penapis udara.
- Tolak penapis udara ke atas supaya tertanggal dari penyangkut dan tarik keluar penapis udara.




- 3** Memasang penapis pembersih udara ke rangka penapis udara.
- Pasang penapis pembersih udara ke rangka dengan menekan perlahan ke dua sisi dan dilepaskan setelah memasuki rangka penapis udara.



PERHATIAN

Jangan bengkokkan penapis pembersih udara kerana ia akan mengakibatkan kerosakkan pada strukturnya.



- 4** Memasang penapis udara.
- Pasang penapis udara dengan memastikan tanda "FRONT" menghala ke hadapan.
 - Setelah memasang penapis itu, tekan panel depan mengikut 3 anak panah yang ditunjukkan dan tutup.



NOTA

- Jika ingin menanggalkan penapis pembersih udara, sila ikuti prosedur diatas.
- Kapasiti penyejuk berkurang sedikit dan kecepatan penyejukan menjadi lebih lambat bila penapis pembersih udara digunakan. Oleh itu set kelajuan kipas pada "HIGH" jika menggunakannya dengan cara seperti ini.
- Penapis pembersih udara boleh dibasuh dan ia boleh digunakan selama satu tahun. Jenis nombor penapis pembersih udara ini adalah <SPX-CFH20>. Sila gunakan no. ini untuk membuat pesanan.
- Jangan pasang penyaman udara tanpa penapis udara. Habuk akan memasuki penyaman udara dan boleh mengakibatkan kerosakan.



PENJAGAAN

⚠ PERHATIAN



Kerja pembersihan dan penjagaan hendaklah dilakukan oleh para pembakar. Sebelum kerja pembersihan, hentikan operasi dan keluarkan plag bekalan kuasa.

1. PENAPIS UDARA

Penapis udara perlu dibersihkan kerana ia menyedut habuk di dalam bilik. Apabila penapis udara diliputi oleh habuk, ia akan menghalang pengaliran udara dan kesan pendinginan juga akan berkurang. Selain itu, ia juga mungkin menyebabkan bunyi bising. Pastikan penapis udara dibersihkan mengikut prosedur di bawah.

PROSEDUR

- 1** Buka panel depan dan keluarkan penapis udara
 - Angkat dan keluarkan penapis pembersih udara daripada penapis udara dengan perlahan.
- 2**
 - Bersihkan habuk daripada penapis udara dan penapis pembersih udara dengan pembersih vakum. Jika terdapat terlalu banyak habuk, bilaskan di bawah aliran air paip dan bersuslah dengan bersuslah yang lembut. Biarkan kering di tempat yang teduh.
- 3**
 - Masukkan semula penapis udara ke penapis udara. Pastikan bahagian penapis udara yang bertanda "FRONT" menghala ke atas dan sorongkan penapis udara ke kedudukan asalnya.
 - Setelah memasang penapis itu, tekan panel depan mengikut 3 anak panah yang ditunjukkan dan tutup.



NOTA:


- Penapis pembersih udara hendaklah dibersihkan setiap bulan atau lebih awal jika terlalu kotor. Penggunaan yang lama akan menyebabkan ia kehilangan fungsi pewarting. Pengguna disarankan menukarnya setiap tahun bergantung kepada keperluan untuk keberkesanan optima.

⚠ PERHATIAN


- Jangan cuci dengan air panas yang suhunya lebih dari 40°C. Penapis udara mungkin mengecut.
- Selepas mencucikannya, goncangkan penapis udara untuk mengeluarkan air dan keringkannya di tempat yang teduh. Jangan terdedah terus kepada cahaya matahari kerana penapis udara mungkin mengecut.
- Jangan gunakan sabun pada penapis udara kerana sabun boleh mengakibatkan ia kehilangan keupayaan elektrostatik.

2. MEMBERSIHKAN PANEL DEPAN

- Lapkan unit penyaman udara dengan kain yang lembut dan kering.
- Jika terlalu kotor, lapkan dengan menggunakan kain lembut yang direndam dalam air suam atau detergen neutral. Selepas itu, lap sekali lagi dengan kain lembut yang kering.
- Lapkan alat kawalan jauh dengan kain lembut yang kering.




Membuka Panel Depan



- Buka panel depan, tolakkan penyangga dibahagian kanan dan kiri sehingga terkeluar dari lubang penyangga.

Pemasangan Panel Depan



- Gerakkan penyangga di bahagian kanan dan kiri melalui tapak sehingga ke lubang penyangga.

PERHATIAN

- Jangan menggunakan air panas (melebihi 40°C), benzina, gasolin, asid, air thinner atau berus kerana akan merosakkan permukaan plastik dan lapkan pelindung.



⚠️ AMARAN

- Pastikan menyambung kewayar bumi. Jauhkan wayar bumi dari air atau paip gas, pengalir kilat atau telefon wayar bumi. Penyambungan wayar bumi yang tidak sempurna boleh menyebabkan berlaku kejutan elektrik.
- Litar pemutus mestilah dipasang berhampiran dengan unit. Tanpa litar pemutus boleh menyebabkan kemungkinan berlaku kejutan elektrik.



PENTING

Wayar utama diwarnakan berdasarkan kod berikut:

- Hijau-dan-kuning : Bumi
- Biru : Neutral
- Coklat : Hidup

Sekiranya warna wayar utama tidak bersamaan dengan warna terminal di palam, ikuti arahan berikut: Wayar yang berwarna hijau-dan-kuning mesti disambungkan ke palam terminal yang bertanda E atau simbol Earth (⊕) atau warna hijau atau hijau-dan-kuning.

Wayar yang berwarna biru mesti disambungkan ke terminal bertanda N atau warna hitam.

Wayar yang berwarna coklat mesti di sambungkan ke terminal bertanda L atau warna merah.

NOTA

Sekiranya wayar didapati rosak, ia mesti ditukarkan dengan wayar yang boleh didapati dari pusat servis/barangan yang diiktiraf.

⚠️ PERHATIAN

Kerja pembersihan dan penjagaan hendaklah dilakukan oleh para pembakal. Sebelum kerja pembersihan, hentikan operasi dan keluarkan plag bekalan kuasa.

PEMERIKSAAN DALAM JANGKA MASA TERTENTU

JALANKAN PEMERIKSAAN DALAM MASA 1/2 ~ 1 TAHUN. SILA PERIKSA BERDASARKAN PERKARA PENTING DI BAWAH. JIKA TERDAPAT PERKARA YANG TIDAK DIFAHAMI, HUBUNGILAH WAKIL JUALAN ANDA.

1		Adakah dawai bumi tercabut atau terputus?
2		Adakah tapak unit luar bilik telah berkarat dengan serius, dan kukuhkan unit luar bilik?
3		Adakah plag dimasukkan ke dalam soket secara kukuh? (Pastikan tiada kelonggaran antara plag dengan soket).

PERKHIDMATAN LEPAS JUALAN DAN JAMINAN

SEBELUM MEMINTA SERVIS, PERIKSAKAN PERKARA BERIKUT

KEADAAN	PERIKSA PERKARA BERIKUT
Apabila penyaman udara tidak beroperasi	<ul style="list-style-type: none">● Adakah fius masih sempurna?● Adakah voltan terlalu tinggi atau rendah?● Adakah suis bekalan kuasa dipasang?
Apabila penyaman udara tidak beroperasi dengan baik.	<ul style="list-style-type: none">● Adakah penapis udara tersumbat?● Adakah cahaya matahari dipancar secara terus ke unit penyaman udara?● Adakah aliran udara penyaman udara terhalang?● Adakah pintu atau tingkap bilik terbuka, ataupun terdapat sumber haba dalam bilik?● Adakah suhu yang ditetapkan itu sesuai?

BAHASA MALAYSIA



Nota

- Semasa dalam operasi yang senyap atau penyaman udara telah dihentikan, perkara berikut mungkin berlaku sekali-kala, tetapi semuanya normal bagi operasi itu.
 - (1) Bunyi pengaliran agen penyejuk dalam saluran kitarannya.
 - (2) Bunyi geseran daripada kipas yang pada asalnya sejuk telah menjadi panas setelah operasi dihentikan.
- Bau-bauan mungkin tersebar keluar dari bilik penyaman udara kerana bau-bauan daripada rokok, makanan, kosmetik dan sebagainya yang terperangkap dalamnya. Oleh itu kerap bersihkan penapis udara dan alat pengewap untuk menghilangkan bau-bauan.

- Jika penyaman udara masih tidak dapat beroperasi dengan normal setelah memeriksa perkara di atas, sila beritahu wakil jualan tentang jenis unit, kod penghasilan, tarikh pemasangan dan masalah yang dihadapi.
- Palam kuasa hendaklah menggunakan voltan yang disyorkan, jika tidak unit akan rosak atau kapasiti yang ditetapkan tidak dapat dicapai.

